

# Jangan gadai Ramadan demi keuntungan dunia

**Sejarah** memperlihatkan 1,435 tahun hijrah dahulu disyariatkan puasa ke atas umat Islam. Bagaimana kita menghayati Ramadan kali ini? Apa kelainan pada Ramadan kali ini yang kita perbaharui berbanding sebelum ini?

Kini kita sudah menginjak kepada fasa kedua iaitu fasa keampunan yang seharusnya kita ambil berat dan menambah nilai ibadah harian kita.

Apakah amalan yang ingin kita praktikkan dengan istiqamah berbanding bulan lain?

Dalam suasana berpuasa, tidak dapat dinafikan kita seronok melihat suasana ketika berbuka. Berbuka di masjid bersama keluarga dan sahabat adalah nikmat yang hanya terdapat di bulan Ramadan.

Kita juga menjadi seronok melihat bazar Ramadan meriah dipenuhi aneka juadah makanan. Saban hari berbeza menu berbuka, tetapi apakah kita sedar bahawa ibadah kita juga dipengaruhi oleh pemakanan kita?

Makanlah hanya sekadar untuk keperluan bukan atas kemahuan yang melampau. Kita seharusnya sentiasa bersifat sederhana dalam pengambilan juadah berbuka setiap hari.

Tip untuk memastikan ibadah sempurna adalah kita mestilah mengelakkan daripada makan ma-

kanan orang yang tidak taat kepada Allah SWT dan daripada tangan orang yang tidak menunaikan solat.

Makanan yang kita beli daripada mereka akan menjadi darah daging kita. Tidak dinafikan kesan seperti ini akan menjejaskan nilai ibadah kita, kita akan menjadi malas dalam beribadah dan kualiti ibadah kita akan menjadi kurang.

Justeru, melihatkan ramai orang berpusu-pusu mengunjungi bazar Ramadan, adakah kita sebagai saudara seagama sedar bahawa masih ramai lagi individu Muslim yang menggadai Ramadan mereka?

## Melewatkan solat fardu

Kenapa saya mengatakan begitu, kerana begitu ramai pengusaha bazar Ramadan masih berada di gerai meskipun waktu Maghrib sudah meninggi sehingga melewati waktu Isyak dan kadangkala terbabas daripada mengerjakan kedua-dua solat fardu ini.

Mereka seolah-olah menggadai Ramadan atas urusan perniagaan mereka. Di manakah keberkesanan Ramadan yang digembar-gemburkan? Ramadan bulan mengejar keampunan?

Tetapi masih ramai lagi individu Muslim yang leka mengejar harta dan nikmat dunia yang sementara tanpa mengambil kira usia mereka yang semakin meningkat meninggalkan dunia.



Umat Islam mengambil kesempatan bertadarus al-Quran bagi mengisi Ramadan.



Berpuasa adalah untuk meningkatkan takwa, manakala Ramadan untuk lebih dekat dengan al-Quran. Sesungguhnya, semangat Ramadan akan menjadi sia-sia sekiranya tahap kecintaan kita kepada al-Quran tidak bertambah dan tidak menunjukkan penambahbaikan”

Pelbagai nasihat, program ilmiah malah tazkirah ringkas diadakan bagi memupuk kecintaan di dalam Ramadan.

## Kurangkan urusan niaga

Seharusnya ketika Ramadan, perniagaan digalakkan untuk mengurangkan aktiviti perniagaan yang menjejaskan waktu solat dan seharusnya kita semua prihatin akan ibadah kita dan semakin memperbaikinya.

Membuka gerai di bazar bukan alasan untuk kita meninggalkan solat fardu Maghrib dan Isyak.

Menurut seorang pendakwah antarabangsa Ustaz Nouman Ali Khan, tujuan berpuasa dan Ramadan adalah dua perkara berbeza.

Berpuasa adalah untuk meningkatkan takwa, manakala tujuan Ramadan adalah untuk lebih dekat dengan al-Quran. Sesungguh-

nya, semangat Ramadan itu akan hilang dan menjadi sia-sia sekiranya apabila kita keluar daripada Ramadan, tahap kecintaan kita kepada al-Quran tidak bertambah dan tidak menunjukkan penambahbaikan.

Ramadan kali ini menyaksikan ramai antara ahli keluarga kita dan sahabat meninggalkan kita. Saban hari ada saja makluman berita kematian.

Tetapi apakah perkhawaran itu membentuk keinsafan, dalam diri kita? Justeru, marilah kita, sama ada pembeli mahupun pengusaha perniagaan meningkatkan ibadah sepanjang Ramadan ini supaya Ramadan kali ini tidak terjual seperti tahun sebelumnya.



**Fatin Munazzah  
Abdul Aziz**

Universiti Sains Islam Malaysia